

NO SOALAN :42**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 26.07.2017**

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semua perbelanjaan pengiklanan (dalam apa jua bentuk) mengikut kementerian dan projek dari tahun 2014 hingga 2017, dengan perincian kempen yang dikendalikan bagi perbelanjaan pengiklanan yang melebihi RM5 juta setiap projek.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM289.3 juta telah dibelanjakan di bawah Perbelanjaan Mengurus untuk tujuan perkhidmatan pengiklanan di pelbagai Kementerian dari tahun 2014 sehingga bulan Jun 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perincian kempen pengiklanan yang dikendalikan oleh setiap Kementerian boleh dirujuk

terus kepada Kementerian masing-masing memandangkan Kerajaan menyediakan Bajet Tahunan secara am kepada setiap Kementerian. Ini adalah selaras dengan konsep pengurusan belanjawan yang diguna pakai iaitu "Let Managers Manage" dan "Authority must match Accountability".